

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)**

KAWASAN : LUMUT

TARIKH : 29 OKTOBER 2015, KHAMIS

SOALAN:

YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) (LUMUT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sama ada wajar atau tidak diwujudkan Radio Trafik yang melaporkan situasi trafik di Lebuh Raya seluruh negara bagi membolehkan rakyat merancang perjalanan dan mengelak kesesakan khususnya di musim perayaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian ini sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan untuk menambah baik tahap perkhidmatan dan penyampaian Kerajaan. Ini termasuklah cadangan untuk menujuhkan stesen radio trafik khusus. Idea ini telah pernah dibincangkan dengan pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) tetapi ia belum dapat direalisasikan pada masa kini berikutan slot frekuensi radio sedia ada telah digunakan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun kementerian ini menerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat-syarikat Konsesi sentiasa bekerjasama dengan stesen-stesen radio tempatan untuk membuat hebahan trafik, terutama pada waktu puncak hari bekerja. Di samping itu, hebahan trafik dibuat melalui saluran lain seperti media massa, papan tanda ITS/VMS, dan media-media sosial seperti saluran ‘twitter’ dan ‘facebook’. Ini bagi membolehkan pengguna mendapat maklumat trafik yang terkini pada masa sebenar.

Sekian. Terima kasih.